

## BAB 5

### TINDAKAN VIETNAM SELATAN DAN AMERIKA SYARIKAT MENGHALANG AKTIVITI PENYUSUPAN

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh Vietnam Utara dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh sejak tahun 1959 telah menyedarkan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan tentang ancaman Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang beroperasi di Vietnam Selatan. Justeru itu, beberapa langkah telah diambil oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk menyekat kegiatan tersebut. Namun demikian, tindakan yang diambil oleh mereka tetap tidak mampu menghentikan aktiviti penyusupan ketenteraan yang dijalankan oleh Vietnam Utara. Sebaliknya kejayaan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan dalam mengawal kawasan luas di pedalaman Vietnam Selatan telah banyak membantu mereka dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan.

#### **Langkah-langkah Menghalang Aktiviti Penyusupan Maritim**

Keaktifan Vietnam Utara dalam kegiatan penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui jalan laut sejak tahun 1959 cukup membimbangkan pihak Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat terhadap keselamatan Vietnam Selatan, khususnya selepas pihak tentera Vietnam Selatan mendapat sebanyak 140 kes penyusupan termasuk penyusupan bazuka dengan menggunakan 65 buah tongkang dan kira-kira 1,400 orang ejen telah disusup masuk dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui jalan laut antara bulan Julai-Disember 1961.<sup>1</sup> Angka ini telah menyedarkan

---

<sup>1</sup> CIA, Weekly Report, "The Situation in Vietnam", 24 Februari 1965, him. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

pihak Amerika Syarikat tentang bagaimana penyusupan melalui laluan maritim telah meningkatkan ancaman Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Keadaan ini telah mendorong Pusat Ketumbukan Bantuan Militeri Amerika Syarikat (MACV) di Vietnam Selatan segera mencadang kepada kerajaan Vietnam Selatan untuk menyusun semula angkatan laut mereka untuk menyekat aktiviti-aktiviti penyusupan ini.<sup>2</sup>

Pada tahun 1961, angkatan laut Vietnam Selatan boleh dikatakan cukup lemah kerana hanya memiliki 80 buah tongkang layar yang tiada satu pun yang bermotor.<sup>3</sup> Maka jelaslah bahawa angkatan laut Vietnam Selatan memang tidak berkesan untuk mengendalikan kawalan maritim. Memandangkan keadaan sedemikian, maka Amerika Syarikat telah membantu Vietnam Selatan untuk menguatkan pasukan pengawasan laut pada bulan Disember 1961. Atas bantuan kewangan Amerika Syarikat untuk pembangunan militeri, maka sebanyak 500 buah tongkang<sup>4</sup> telah dibawa masuk ke Vietnam Selatan, terutamanya untuk rutin pengawasan laut untuk menyekat proses penyusupan serta memusnahkan tentera dan peralatan yang disusup masuk sekiranya perlu.

Untuk memastikan rutin pengawasan laut dapat dijalankan dengan baik dan bersistematik, maka tongkang-tongkang tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori. Ini termasuklah 28 buah tongkang biasa yang mempunyai 10 orang anak kapal yang membawa radio dan senjata automatik. 240 buah tongkang layar yang berfungsi untuk

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> "Transcript of the Rusk-McNamara Appearance before the Joint Committees' Session", 6 Ogos 1964, hlm. 6, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>4</sup> *Ibid.*

menjalankan rutin pengawasan di kawasan-kawasan yang tertentu. Sementara beberapa ratus buah tongkang layar bermotor membawa senjata automatik untuk meronda di kawasan-kawasan terpencil.<sup>5</sup>

Dengan terbentuknya angkatan 600-700 buah tongkang untuk mengawal kawasan pantai Vietnam Selatan, maka tentera laut Vietnam Selatan mula mengawal kapal-kapal layar yang memasuki kawasan ini. Pengawasan ini telah mendatangkan hasil. Ini dapat dibuktikan apabila daripada sebanyak 130,000 buah tongkang dan 350,000 orang yang telah diperiksa pada lapan bulan terakhir tahun 1963, seramai 140 orang ejen Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan telah ditangkap.<sup>6</sup> Namun tindakan tentera laut Vietnam Selatan ini boleh dikatakan tidak berkesan kerana jumlah ejen Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan (140 orang) yang ditangkap itu tidak sampai satu peratus daripada jumlah Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang turun ke Selatan.<sup>7</sup> Oleh yang demikian, keadaan ini telah menggambarkan kesukaran yang dihadapi oleh tentera laut Vietnam Selatan untuk menyekat kemasukan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui pantai Vietnam Selatan yang begitu panjang iaitu 800 batu.

Sementara itu pada tujuh bulan pertama tahun 1964 pula, sebanyak 149,000 buah tongkang dan 570,000 orang telah diperiksa. Kali ini operasi pencarian dan pemeriksaan dijalankan secara besar-besaran dengan meliputi 800 batu pantai Vietnam Selatan. Dalam proses pengesanan ini, angkatan tongkang peronda telah diperkuat dan mereka

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 5-6.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>7</sup> *Ibid.*

semakin menuju ke sebelah utara dalam usaha untuk mencari maklumat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan.<sup>8</sup> Keadaan ini sebenarnya telah mencerminkan masalah yang dihadapi oleh tentera laut Vietnam Selatan iaitu terpaksa meliputi pantai Vietnam Selatan yang begitu luas sedangkan hasil yang diperoleh adalah kecil. Faktor geografi ini sebenarnya telah membolehkan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan dapat menyusup masuk ke Vietnam Selatan dengan mudah sekali tanpa dikesan oleh pihak berkuasa Vietnam Selatan.

Biasanya penggunaan terusan-terusan pedalaman oleh Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan akan bertambah pada tempoh Jun-November kerana tempoh ini merupakan musim tengkujuh yang akan menyukarkan penggunaan jalan darat untuk menghantar tentera dan alat kelengkapan tentera dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan. Oleh yang demikian, peluang terbaik untuk pasukan tentera laut Vietnam Selatan untuk menyekat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan adalah pada tempoh ini. Jadi sudah tentu aktiviti tentera laut Vietnam Selatan untuk menghalang Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan daripada menggunakan terusan tersebut akan bertambah pada masa ini. Misalnya pada akhir bulan Julai 1964, empat misi pengeboman pantai yang merupakan pusat kegiatan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan telah dilancarkan di kawasan berpaya Rung Sat yang terletak di Selatan Saigon. Tambahan pula, pasukan peronda sungai masih meneruskan rutin rondaan mereka dan mengambil bahagian dalam lima operasi gabungan di delta atas wilayah-wilayah.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> CIA Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 29 Julai 1964, him. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Walaupun proses penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui laut masih berterusan, namun kejayaan kecil yang diperoleh oleh tentera laut Vietnam Selatan pada tahun 1963 dan 1964 telah mendorong mereka meneruskan usaha menghalang aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Malah beberapa operasi yang dijalankan sudah sampai ke kawasan Vietnam Utara melalui Zon Bebas Tentera. Tindakan ini sebenarnya telah menimbulkan isu pencerobohan ke Vietnam Utara dan seterusnya membawa kepada perang yang semakin sengit antara Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Ini dapat dibuktikan dalam operasi 34A<sup>10</sup> iaitu operasi di mana beberapa buah bot rondaan Vietnam Selatan telah membedil dua buah pulau Vietnam Utara iaitu Hon Me dan Hon Nieu pada malam 30-31 Julai 1964 kerana mengesyaki dua buah pulau tersebut merupakan pusat pelancaran penyusupan laut Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan apabila terjumpanya stesen-stesen radar di sana.<sup>11</sup>

Ekoran daripada operasi 34A, dua hari kemudian berlaku pula krisis Tonkin yang melibatkan dua buah kapal pembinasa (destroyers) diserang oleh tentera laut Vietnam Utara. Bermula dengan USS *Maddox*<sup>12</sup> yang sedang menjalankan tugas yang dikenali

---

<sup>10</sup> Operasi 34A terdiri daripada dua jenis operasi. Yang pertama ialah bot-bot dan kapal terbang membawa ejen rakyat Vietnam Selatan yang dilengkapi dengan radio ke Vietnam Utara untuk mengendalikan perbuatan merosakkan dan mengumpul maklumat. Sementara operasi yang kedua ialah bot rondaan laju yang dipandu oleh rakyat Vietnam Selatan atau anak kapal orang asing untuk membedil pantai Vietnam Utara dan pulau dengan cara “serang dan lari” (hit and run). Operasi ini disokong oleh pihak CIA. Lihat Robert S. McNamara, *In Retrospect : The Tragedy and Lessons of Vietnam*, New York : Times Books, 1995, hlm. 129.

<sup>11</sup> “The Gulf of Tonkin, the 1964 Incidents”, 20 Februari 1968, hlm. 2, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>12</sup> USS *Maddox* telah diserang oleh tiga buah kapal torpedo bermotor Vietnam Utara. Dipercayai Vietnam Utara sendiri telah memusnahkan sebuah kapal torpedo, sementara dua lagi kapal torpedo telah dimusnahkan oleh *Maddox* atau kapal terbang *Ticonderoga*. Lihat “Southeast Asia Resolution”, 6 Ogos 1964, hlm. 6, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.



Ogos 1964. Oleh yang demikian beliau mengatakan bahawa tiada serangan yang berlaku.<sup>19</sup>

Selepas berlaku serangan ini, Robert McNamara telah menafikan perkaitan antara serangan ini dengan pengeboman dua buah pulau Vietnam Utara yang berlaku sebelum ini. Beliau mengatakan bahawa kedua-dua operasi ini adalah berasingan dan berbeza.

Menurut beliau :

"our destroyers took no part whatsoever in the South Vietnamese operation. They did not convoy, support or back up the South Vietnamese boats in any way."<sup>20</sup>

Tambahan beliau :

"We understand that the South Vietnamese sea force carried out patrol action around these islands and actually shelled the points they felt were associated with this infiltration. Our ships had absolutely no knowledge of it were not connected with it; in no sense of the word can be considered to have backstopped the effort."<sup>21</sup>

Menurut Robert McNamara, serangan Vietnam Utara terhadap dua buah kapal pembinasan Amerika Syarikat di laut antarabangsa merupakan satu tindakan yang tidak bijak kerana ini akan menimbulkan sangsi Amerika Syarikat terhadap motif kerajaan Hanoi. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa operasi 34A merupakan faktor utama yang menyebabkan Vietnam Utara menyerang kapal-kapal tersebut.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 135-136.

<sup>20</sup> McNamara, "Relation to 34A" 20 Februari 1968, hlm. 15, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> McNamara, *In Retrospect*, hlm. 133.

Wayne Morse seorang senator Amerika Syarikat pula berpendapat bahawa tindakan tentera laut Vietnam Selatan ini merupakan tindakan yang jelas telah mencerobohi kawasan Vietnam Utara. Sementara kapal-kapal pembinasan Amerika Syarikat yang sedang menjalankan tugas di Teluk Tonkin pada masa itu telah dianggap sebagai pelindung kepada operasi 34A yang dilakukan oleh tentera laut Vietnam Selatan.<sup>23</sup>

Daripada kejadian-kejadian ini, walaupun Robert McNamara telah menafikan perkaitan antara operasi 34A dengan krasis Teluk Tonkin, namun adalah jelas bahawa tindakan tentera laut Vietnam Selatan dalam operasi 34A telah menimbulkan kekeliruan dan perasaan berhati-hati pada Vietnam Utara terhadap kehadiran kapal pembinasan Amerika Syarikat iaitu *USS Maddox* dan *USS Turner Joy* dan mengesyakinya sebagai kehadiran tentera laut Vietnam Selatan yang membedil dua buah pulau Vietnam Utara sebelum ini.<sup>24</sup> Jika meninjau balik tujuan-tujuan *USS Maddox*, maka penafian McNamara dalam kes ini adalah sukar diterima kerana tujuan utama *USS Maddox* ialah memerhati aktiviti maritim Vietnam Utara di Teluk Tonkin khasnya berkaitan dengan kegiatan penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui jalan laut ke Vietnam Selatan.

Krisis Teluk Tonkin ini telah mencetuskan keadaan yang tegang di Vietnam. Amerika Syarikat yang menuduh Vietnam Utara menyerang kapal-kapalnya telah mengambil peluang ini mendapatkan kuasa daripada Kongres untuk meningkatkan

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 137.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 140-141.

campur tangan di Vietnam dengan meminta menambah bilangan tentera Amerika Syarikat dari 16,000 orang kepada 550,000 orang.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, permintaan ini telah ditolak oleh Kongres kerana operasi tentera secara besar-besaran ini mungkin meningkatkan perperangan yang melibatkan Republik Rakyat China dan Soviet Union serta meningkatkan tempoh campur tangan Amerika Syarikat di Vietnam.<sup>26</sup>

Dalam krisis Teluk Tonkin ini, Soviet Union telah memberi amaran kepada Amerika Syarikat bahawa aktiviti-aktiviti agresif Amerika Syarikat terhadap Vietnam Utara boleh menyebabkan konflik militer yang besar, yang boleh mendatangkan akibat yang serius.<sup>27</sup>

Republik Rakyat China juga menunjukkan perasaan marah terhadap tindakan Amerika Syarikat dalam krisis Teluk Tonkin dan bersedia memberi bantuan kepada Vietnam Utara. Menurut akhbar *People's Daily* pada 6 Ogos 1964 Republik Rakyat China telah memberi amaran bahawa penyerangan Amerika Syarikat terhadap Vietnam Utara bermaksud menyerang Republik Rakyat China.<sup>28</sup> Maka Republik Rakyat China akan memberi bantuan dan sokongan kuat kepada Vietnam Utara untuk menentang Amerika Syarikat.<sup>29</sup>

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 142.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Intelligence Note from Thomas L. Hughes to the Secretary of Defence, "Soviet Reaction to Tonkin Gulf Crisis : Greater Verbal Stridency and Commitments", 1964 hlm. 2, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>28</sup> CIA Memorandum, "The North Vietnamese Situation", 6 Ogos 1964, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CLA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>29</sup> "Chinese Communist References to Intervention in Vietnam", 7 April 1965, hlm. 1-2, US, Central Intelligence Agency, *CLA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Reaksi yang diberikan oleh Soviet Union dan Republik Rakyat China nampaknya tidak dihiraukan langsung oleh Amerika Syarikat kerana perperangan antara utara dan selatan Vietnam bertambah sengit apabila Amerika Syarikat melancarkan serangan udara di Vietnam Utara pada 2 Februari 1965 hingga 31 Oktober 1968.<sup>30</sup> Tindakan Amerika Syarikat ini telah menyebabkan Republik Rakyat China dan Soviet Union meningkatkan bantuan alat senjata kepada Vietnam Utara untuk disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Menurut laporan CIA pada 30 September 1964, kawasan yang menjadi tumpuan utama dalam operasi “Mengesan dan Membersihkan” (Search and Clear Operation) oleh tentera Vietnam Selatan untuk menyekat aktiviti penyusupan ialah di wilayah utara Vietnam Selatan.<sup>31</sup> Ini kerana penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan ke kawasan ini telah mencapai tahap yang bahaya sehingga boleh mengancam kemampuan kerajaan Vietnam Selatan untuk mengawal kawasan ini. Malah aktiviti komunis di kawasan ini termasuklah pembunuhan pegawai-pegawai penting Vietnam Selatan. Menurut laporan COMUSMACV, penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui laut ke kawasan ini semakin aktif.<sup>32</sup> Oleh yang demikian, operasi untuk menyekat aktiviti penyusupan ini telah dijalankan oleh tentera laut Vietnam Selatan dan telah mencapai beberapa kejayaan.

<sup>30</sup> Baggs, *Bombing, Bargaining and Limited War*, hlm. 226.

<sup>31</sup> CIA, Weekly Report, “The Situation in South Vietnam”, 30 September 1964, hlm. 6, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>32</sup> *Ibid.*

Menurut seorang penasihat kanan Presiden Johnson, kejayaan yang diperoleh oleh tentera laut Vietnam Selatan dalam operasi tersebut ialah kerana mereka mempunyai bot-bot moden yang mencukupi untuk menjalankan pengawasan pantai dengan memuaskan.<sup>33</sup> Akan tetapi, menurut seorang pegawai tentera laut Amerika Syarikat, keberkesanan pengawasan pantai dapat diperbaiki dengan penggunaan aset tentera laut Vietnam Selatan seperti bot-bot yang moden dengan cara yang betul.<sup>34</sup>

Tindakan Amerika Syarikat yang lebih tegas untuk menghalang penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dapat dilihat apabila Jeneral Maxwell Taylor<sup>35</sup> selaku Duta Besar Amerika Syarikat di Saigon telah diarahkan memberi cadangan kepada Perdana Menteri Vietnam Selatan Phan Huy Quat supaya meminta bantuan Amerika Syarikat untuk menghalang usaha Vietnam Utara menyusup ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui laut. Tindakan Amerika Syarikat ini telah mendatangkan hasil apabila Phan Huy Quat menandatangani "Decree Number 81 ING" pada 27 April 1965 untuk mempertahankan kawasan perairan Vietnam Selatan.<sup>36</sup> Syarat-syarat dikri termasuklah syarat-syarat untuk mengawal perjalanan perdagangan di kawasan perairan Vietnam Selatan serta mengemukakan senarai barang yang dilarang dibawa masuk ke Vietnam Selatan tanpa kelulusan yang rasmi. Perkara penting dalam dikri ialah tentang kenyataan Vietnam Selatan yang meminta bantuan dan kerjasama maritim daripada

---

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Jeneral Maxwell Taylor pernah memegang beberapa jawatan yang penting. Misalnya sebagai Ketua Staf Tentera Amerika Syarikat (1955-1959), Penasihat Militer kepada Presiden Kennedy (1961-1962), Pengurus Gabungan Ketua-ketua Staf (1962-1964), Duta Besar Amerika Syarikat di Saigon (1964-1965), Penasihat Khas kepada Lembaga Penasihat Maklumat Luar Negeri Presiden (1965-1969) dan Pengurus kepada Institut Analisis Pertahanan Amerika Syarikat (1966-1969).

<sup>36</sup> Telegram from Secretary of State to Ambassador Taylor in Saigon, 2 April 1965, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports : Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

kerajaan Amerika Syarikat untuk memperkuat kawalan keselamatan dan pertahanan Vietnam Selatan<sup>37</sup> seperti yang diminta oleh Perdana Menteri Vietnam Selatan.

Hasil daripada dikri yang ditandatangani maka pasukan pertugas 71 (Task Force 71) di bawah perintah Angkatan Laut ketujuh Amerika Syarikat (US Seventh Fleet) serta Angkatan Rondaan Laut Vietnam Selatan telah ditubuhkan pada tahun 1965 dan bertugas di pantai Vietnam Selatan untuk menghalang penyusupan ketenteraan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Operasi ini dikenali sebagai “*Market Time*”.<sup>38</sup> “*Market Time*” ini mengesan dan menahan tongkang-tongkang layar atau perahu kecil yang disyaki di sepanjang pantai Vietnam Selatan. Melalui operasi ini lebih daripada 100 buah bot rondaan sungai memeriksa lebih daripada 2,000 buah tongkang dan sampan pada setiap hari. Tindakan ini telah berjaya mengurangkan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui jalan air. Akibatnya Vietnam Utara terpaksa banyak bergantung kepada laluan Laos dan Kampuchea untuk meneruskan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan.<sup>39</sup>

Sejak 1 Ogos 1965, tugas “*Market Time*” telah berpindah dari Angkatan Laut ketujuh Amerika Syarikat kepada Laksamana Muda Norvell G. Ward.<sup>40</sup> Keberkesanan “*Market Time*” bertambah dengan tibanya Skuadron Pertama Pengawal Pantai<sup>41</sup> bersama

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Telegram from Ambassador Taylor in Saigon to the Secretary of State, 2 April 1965, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976* dan Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 158.

<sup>39</sup> Ray Bonds (ed.), *The Vietnam War – The Illustrated History of the Conflict in Southeast Asia*, New York : Military Press, 1988, hlm. 102-103.

<sup>40</sup> Norvell G. Ward merupakan Komander, TF 115, Angkatan Pengawalan Pantai dan Ketua Kumpulan Penasihat Tentera Laut.

<sup>41</sup> Sejenis kapal rondaan yang saiznya 15.2m dan sesuai digunakan di persisiran pantai.

dengan keunggulan kepantasannya kapal-kapal rondaannya. Kapal ini adalah lebih sesuai meronda di persisiran pantai daripada kapal tentera laut Amerika Syarikat yang mempunyai kepasiti 225 tan dan panjangnya 50.1m.<sup>42</sup>

Operasi “*Market Time*” bertambah berkesan pada bulan Disember 1965 untuk mengesan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui laluan laut apabila kapal terbang peronda jenis “*Lockheed P-3A Orion turbo-prop*” ditambah kepada operasi ini untuk mengawas kawasan pantai dari Vung Tau ke garisan lintang 14°U serta Pesawat Laut Marlin jenis Martin P-5 (Martin P-5 Marlin Seaplane) yang meronda dari Vung Tau ke Pulau Phu Quoc yang terletak di selatan pantai Kampuchea. Sementara “*Lockheed P2V Neptunes*” yang beroperasi dari Tan Son Nhut, Saigon yang kemudiannya dari Teluk Cam Ranh telah mengganti pesawat-pesawat laut Marlin pada akhir tahun 1965.<sup>43</sup>

Daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Amerika Syarikat untuk menguatkan angkatan rondaan laut. Maka jelaslah bahawa mereka bertekad untuk menyekat aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui laut ke tahap yang minimum. Operasi “*Market Time*” ini sebenarnya telah memperkuat angkatan laut Vietnam Selatan yang hanya terdiri daripada angkatan tongkang-tongkang sahaja. Apa yang berbeza di sini ialah operasi kali ini melibatkan Amerika Syarikat secara langsung dan ini termasuklah penggunaan staf, kapal-kapal, kapal terbang serta kapal-kapal perang laut yang lebih moden dan canggih dari Amerika Syarikat.

<sup>42</sup> Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 161.

<sup>43</sup> *Ibid.*

Selain operasi “*Market Time*”, satu lagi operasi yang dikenali sebagai “*Game Warden*” telah dilancarkan di bawah perintah Ketua Kumpulan Penasihat Tentera Laut Vietnam (Chief Naval Advisory Group Vietnam) pada 18 Disember 1965. “*Game Warden*” terdiri daripada Angkatan Petugas 116 iaitu Angkatan Rondaan Sungai (Task Force 116, the River Patrol Force). Kapal-kapal “*Game Warden*” ini meronda di delta Mekong, Rung Sat dan kawasan berpaya yang terletak di antara Saigon dan laut. Angkatan Rondaan sungai ini mengoperasi bot-bot rondaan sungai yang diperbuat daripada kaca gentian (fiber glass river patrol boats) dengan panjangnya yang hanya 9.8m dan berat 8 tan supaya mudah mendarat dan membina bot-bot rondaan penyerang untuk menentang musuh.<sup>44</sup> Jadi jelas bahawa bot-bot rondaan yang kecil adalah sangat sesuai untuk menjalankan pengawasan rutin di sungai-sungai dan terusan air yang tidak dapat dimudiki kapal besar, kerana sungai-sungai dan terusan air ini juga merupakan laluan air yang digunakan oleh Vietnam Utara untuk mengagih bekalan ketenteraan di Vietnam Selatan.

Tindakan perancang-perancang militeri Amerika Syarikat adalah bijak sekali kerana mereka dapat mengenalpasti pelbagai tahap operasi dalam proses penyusupan ketenteraan yang dilakukan oleh Vietnam Utara melalui jalan air. Oleh yang demikian, strategi yang diperkenalkan oleh mereka ialah operasi “*Market Time*” berfungsi untuk menghalang penyusupan utama di sepanjang pantai. Sementara operasi “*Game Warden*” pula berperanan untuk menyekat tahap pengagihan dalam proses penyusupan di terusan-terusan air kawasan pedalaman. Melalui rondaan laut dan udara inilah, akhirnya pihak

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 162.

Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan telah berjaya mengurangkan aktiviti penyusupan Vietnam Utara ke Vietnam Selatan yang menggunakan bot-bot kecil, sampan dan tongkang-tongkang layar.

Untuk memastikan sistem pengawasan yang lebih sempurna, maka beberapa buah pusat pengawasan pantai telah didirikan di kawasan-kawasan yang strategi dan ini termasuklah Da Nang, Qui Nhon, Nan Trang, Vung Tau dan An Thoi.<sup>45</sup> Pusat-pusat ini berfungsi sebagai tempat berlabuh bagi kapal-kapal tentera laut Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti pengawasan serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti radio dan alat komunikasi yang lain. Malah untuk memastikan kapal-kapal rondaan sentiasa berada dalam keadaan yang baik untuk menjalankan rutin pengawasan dengan lebih baik, kapal-kapal khas telah dibawa masuk untuk mengganti tongkang layar dan tongkang bermotor yang lama untuk meneruskan tugas pengawasan di pantai. Kapal-kapal ini pula membentuk kapal-kapal piket radar (radar picket ship) yang besar dan menjadi ibu pejabat kapal-kapal terapung kepada kapal-kapal peronda untuk menguruskan aktiviti-aktiviti pengawasan.<sup>46</sup> Sementara pengiring pembinasa yang lama dilepaskan daripada perkhidmatan mereka untuk menjadi pusat pergerakan bagi bot-bot peronda yang kecil.

Sistem pengawasan bertambah baik dan berkesan apabila kapal-kapal yang lebih kecil dan lebih pantas telah digunakan untuk mengendali kegiatan pengawasan. Misalnya kapal patrol laju bersaiz 50 kaki yang bersenjatakan dua mesingan berkaliber

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm. 158.

<sup>46</sup> John S. Bowman, *The Vietnam War : An Almanac*, New York : World Almanac Publication, Bison Book, 1985, hlm. 427.

50 pada rumah geledak (deck-house), satu gabungan buritan mortar 81mm dan berkaliber 50, serta mempunyai seorang pegawai dan lima orang anak kapal. Selepas dibuktikan kapal ini berkesan, maka sebanyak 104 buah kapal patrol laju ini telah digunakan oleh Vietnam Selatan.<sup>47</sup>

Dengan terdirinya pusat-pusat pengawasan pantai, dan dengan adanya kapal terbang peronda yang ditugas untuk mengesan pergerakan tongkang-tongkang dan memberi maklumat kepada kapal-kapal peronda laut untuk menyekat tongkang-tongkang yang disyaki milik Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Maka sistem pengawasan yang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk menyekat aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui laut boleh dikatakan agak menyeluruh pada akhir tahun 1965.

Salah satu masalah besar yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan dalam menjalankan operasi-operasi ini ialah jumlah tongkang yang melalui sungai dan pantai Vietnam Selatan adalah terlalu banyak iaitu kira-kira 1,000 buah tongkang setiap hari.<sup>48</sup> Jumlah tongkang yang banyak ini telah menyukari Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk mengesan kapal-kapal sulit yang membawa ejen Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dan alat kelengkapan tentera. Keadaan ini bertambah susah lagi kerana tongkang-tongkang yang digunakan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah dibuat pengubahsuaihan dan penyamaran sebagai bot

---

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Ibid., hlm. 122.

nelayan. Faktor-faktor inilah yang telah menjadikan keberkesanan operasi-operasi yang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.

Walaupun kejayaan yang diperoleh melalui operasi-operasi ini adalah kecil berbanding dengan jumlah penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan serta jumlah kos yang dibelanjakan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan, namun kejayaan ini sekurang-kurangnya dapat menenangkan hati Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan setelah berusaha sedaya upaya untuk menyekat penyusupan ketenteraan oleh Vietnam Utara ke Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Kejayaan yang kecil ini akhirnya telah mendorong mereka memikirkan cara yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini. Maka langkah seterusnya yang diambil oleh Amerika Syarikat ialah melancarkan serangan udara terhadap Vietnam Utara.

Memandangkan operasi-operasi yang dijalankan tidak begitu berkesan untuk menyekat penyusupan ketenteraan melalui jalan laut serta jalan darat, akhirnya Amerika Syarikat membuat keputusan melancarkan serangan udara terhadap Vietnam Utara bermula pada 7 Februari 1965. Menurut Amerika Syarikat :

“Bombing North Vietnam was not similar to the devastation wrought upon Germany and Japan. Nor was it primarily an attempt to interdict supplies, as was the bombing of North Korea.”<sup>49</sup>

Sebenarnya ini merupakan satu alasan yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk mengebom sasaran tentera Vietnam Utara untuk menghalang penyusupan

---

<sup>49</sup> Baggs, *Bombing, Bargaining and Limited War*, hlm. 1.

ketenteraan oleh kerajaan Hanoi dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan yang menggunakan jalan darat dan laut. Sedangkan tindakan ini sebenarnya merupakan satu strategi Amerika Syarikat untuk mengajak Vietnam Utara ke meja perundingan supaya Vietnam Utara berhenti menyokong aktiviti Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan setelah Amerika Syarikat gagal menyekat aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan.

Serangan udara yang dilancarkan pada 7 Februari 1965 atau dikenali sebagai operasi “*Flaming Dart*” merupakan satu tindakan balas setelah tentera Amerika Syarikat diserang oleh mortar yang dilancarkan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Pleiku. Akibatnya Amerika Syarikat telah menghantar 49 buah kapal terbang dari “Coral Sea” dan “Hancock” untuk menyerang berek tentera Vietnam Utara dan kemudahan pelabuhan di Dong Hoi iaitu kira-kira 50 batu di sebelah utara Zon Bebas Tentera.<sup>50</sup> Menurut Laksamana G. Sharp,<sup>51</sup>

“*Flaming Dart had been developed to detail the military actions for retaliatory air strikes to be executed on order of higher authority*”<sup>52</sup>

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, jelas bahawa serangan udara ini sebenarnya telah lama dirancang oleh Amerika Syarikat.<sup>53</sup> Cuma menunggu masa yang sesuai untuk melancarkannya sahaja. Serangan tersebut telah menimbulkan reaksi besar dari Hanoi dan negara-negara yang rapat dengannya terutamanya Republik Rakyat China

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 20.

<sup>51</sup> Sharp juga merupakan Komander Ketua Pasifik (Commander in Chief, Pacific).

<sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 20-21.

<sup>53</sup> Rancangan ini telah disetujui oleh Presiden Johnson, Duta Besar Taylor dan beberapa orang ahli kabinet dalam mesyuarat pada bulan September 1964, *Ibid.*, hlm. 23.

yang menganggap Vietnam Utara sebagai “*soul brother*” telah bersedia memberi segala bantuan kepada Vietnam Utara untuk menentang musuhnya. Selain itu Republik Rakyat China sendiri juga tidak ingin melihat Vietnam Utara yang satu-satunya negara komunis di Asia Tenggara musnah dan jatuh ke dalam tangan negara kapitalis.

Walaupun Republik Rakyat China telah memberi amaran kepada Amerika Syarikat, namun serangan udara masih diteruskan oleh Amerika Syarikat pada 11 Februari 1965 di berek Chanh Hoa dan Viet Thu Lu.<sup>54</sup> Di Con Co (Chua Tung) pula iaitu sebuah pulau di Vietnam Utara, akibat daripada serangan udara yang dilancarkan pada 7, 8 dan 11 Februari 1965, Amerika Syarikat telah berjaya menusnahkan pangkalan laut Vietnam Utara dan menenggelamkan dua buah bot di sana.<sup>55</sup>

Presiden Johnson tetap dengan pendiriannya untuk meneruskan pelancaran serangan udara terhadap Vietnam Utara. Ini dapat dilihat melalui program “*Rolling Thunder*” yang dilaksanakan pada 2 Mac 1965 dan tamat pada 30 Oktober 1968.<sup>56</sup> Republik Rakyat China meningkatkan bantuan alat senjata seperti senapang, mortar dan mesingan kepada Vietnam Utara untuk dihantar kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh sejak tahun 1965.<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>55</sup> CIA, “Results of Air Strike, Against North Vietnam and North Vietnamese Reactions”, 5 Mac 1965, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>56</sup> Serangan udara tersebut bertumpu pada tiga faktor yang berkaitan iaitu kuantiti pengeboman, kualiti pengeboman dan sasaran pengeboman. Ketiga-tiga faktor inilah yang menentukan darjah penambahan perang. Lihat Baggs, *Bombing, Bargaining and Limited War*, hlm. 3-4.

<sup>57</sup> Van Dyke, *North Vietnam’s Strategy for Survival*, hlm. 222.

Salah satu tujuan operasi “*Rolling Thunder*” ialah Amerika Syarikat ingin menyekat laluan penyusupan dan mengurangkan keupayaan Vietnam Utara untuk mengendalikan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan.<sup>58</sup> Maka dalam 12 minggu pertama serangan udara iaitu dari pertengahan Mac 1965 hingga 10 Jun 1965, sebanyak 32 sasaran yang penting dan strategi dalam proses penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh telah diserang. Kawasan-kawasan ini termasuklah jambatan-jambatan dan lebuhraya yang menghubungkan Dong Hoi dan Vinh Linh, pusat-pusat bertolak utama untuk penyusupan laut serta stesen-stesen tentera dan alat kelengkapan tentera di bandar-bandar ini.<sup>59</sup>

Selain itu, serangan udara yang hebat juga dilakukan untuk memusnahkan kemudahan pemindahan alat kelengkapan tentera yang sulit serta kapal-kapal yang disyaki milik Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Misalnya pada Mei 1966, Amerika Syarikat telah berjaya mengebom empat kemudahan pemindahan alat kelengkapan tentera dan 14,000 buah kapal di kawasan Tentera IV (Military Region IV) di Vietnam Utara. Tambahan pula, kira-kira 600 buah kapal yang disyaki milik Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan juga telah dimusnahkan atau dirosakkan di laluan penyusupan baru dari Vinh ke Thanh Hoa.<sup>60</sup>

<sup>58</sup> Terdapat tiga tujuan utama dalam operasi “*Rolling Thunder*”. Dua tujuan yang lain ialah meningkatkan semangat Vietnam Selatan dan memberi kebolehpercayaan kepada Amerika Syarikat untuk menyekat pengaruh komunis serta melemahkan semangat Vietnam Utara dan memberitahu Hanoi bahawa Amerika Syarikat mungkin meningkatkan pengeboman terhadapnya. Lihat Department of State, “Telegram from Under Secretary to Ambassador Taylor and Johnson”, 1 Jun 1965, hlm. 1-2, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>59</sup> United States, Joint Chief of Staff to Secretary of Defense, “Air Strike Program Against North Vietnam”, Report dari 27 Mac hingga 11 Jun 1965, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>60</sup> CIA Intelligence Memorandum, “An Appraisal of the Bombing of North Vietnam through 14 May”, 21 Mei 1966, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa operasi “*Rolling Thunder*” lebih berkesan untuk menyekat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan ke Vietnam Selatan berbanding dengan operasi-operasi yang sebelumnya. Serangan udara ini, sedikit sebanyak telah menyukarkan Vietnam Utara untuk menyusup tentera dan alat kelengkapan tentera ke Vietnam Selatan serta meningkatkan kos Vietnam Utara untuk meneruskan sokongan mereka kepada perjuangan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Namun, apa yang penting di sini ialah, Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan tetap gagal menghentikan penyusupan ketenteraan oleh Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh mahupun melalui jalan darat. Ini dapat dibuktikan melalui kata-kata Robert McNamara bahawa serangan udara Amerika Syarikat hanya berjaya mengurangkan penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan sama ada melalui jalan darat ataupun jalan laut serta meningkatkan kos penyusupan ketenteraan Vietnam Utara, namun serangan tersebut gagal menamatkan aktiviti penyusupan Vietnam Utara.<sup>61</sup> Malah aktiviti penyusupan sama ada melalui laluan laut ataupun laluan darat telah meningkat sejak tahun 1967 sebagai satu persediaan untuk melancarkan Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru (Tet) pada tahun 1968.

#### **Keberkesanan Tindakan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan**

Sejak angkatan peronda laut Vietnam Selatan telah diperkuat dengan bantuan Amerika Syarikat pada Desember 1961. Maka beberapa kejayaan telah diperoleh oleh mereka dalam usaha menyekat atau mengurangkan aktiviti penyusupan Tentera Barisan

---

<sup>61</sup> Robert S. McNamara, “News Conference”, 6 Jun 1965, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

Pembebasan Kebangsaan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan. Walaupun kejayaan yang diperoleh adalah terhad, namun kejayaan-kejayaan kecil ini telah memberi semangat kepada mereka meneruskan usaha untuk menangani masalah yang boleh mengancam kestabilan Vietnam Selatan serta kedudukan Amerika Syarikat di sana.

Memang kejayaan yang diperoleh oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan pada peringkat awal operasi pengawasan cukup memuaskan. Misalnya pada tahun 1963, mereka hanya berjaya menangkap 140 orang ejen Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan iaitu tidak sampai satu peratus daripada jumlah Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang menyusup masuk ke Vietnam Selatan.<sup>62</sup> Namun, keputusan ini tidak menyebabkan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan berputus asa, malah mendorong mereka berusaha lebih gigih untuk menyekat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui jalan laut.

Kejayaan yang lebih memerangsangkan ialah apabila tentera Vietnam Selatan dengan bantuan daripada helikopter penyerang Amerika Syarikat telah berjaya membunuh 20 orang gerila komunis, mencederakan 20-25 orang Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan dan menenggelamkan 10 buah sampan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di wilayah Ba Xuyen, yang terletak di muara Sungai Mekong dan lebih kurang 100 batu di barat-daya Saigon pada 9 September 1964. Dalam operasi

---

<sup>62</sup> "Transcript of the Rusk-McNamara Appearance before the Joint Committees' Session", 6 Ogos 1964, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

tersebut enam orang tentera Vietnam Selatan telah hilang dan ini termasuk dua orang juruterbang Amerika Syarikat.<sup>63</sup>

Kebanyakan kejayaan operasi tentera Vietnam Selatan adalah berada di sebelah utara Vietnam Selatan. Ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan pusat penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan adalah terletak di sini. Menurut laporan CIA pada 2 Disember 1964, dalam satu operasi "Mencari dan Memusnah" (Search and Destroy Operation) di kawasan pantai wilayah Quang Tin, seramai 73 orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah dibunuh dan tujuh orang anak kapal yang membekalkan sepucuk senapang "recoilles" dan dua buah mortar 60 mm telah ditangkap. Seorang tentera Vietnam Selatan terkorban dan 17 orang lagi tercedera dalam operasi ini.<sup>64</sup>

Usaha tentera laut Vietnam Selatan dan rondaan helikopter Amerika Syarikat<sup>65</sup> untuk menghalang aktiviti penyusupan ketenteraan Vietnam Utara melalui jalan laut telah mendatangkan hasil yang lumayan apabila mereka berjaya menenggelamkan sebuah kapal kargo Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di pantai wilayah Phu Yen pada 16 Februari 1965. Dalam operasi tersebut, mereka telah berjaya merampas kira-kira 100 tan alat kelengkapan tentera yang berasal dari negara-negara komunis.<sup>66</sup>

<sup>63</sup> "Vietnam Checklist for the DCI", 10 September 1964, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>64</sup> CIA, Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 2 Disember 1964, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>65</sup> Helikopter merupakan alat pengangkutan yang paling sesuai untuk menjalankan tugas patroli di udara kerana kelajuan penerbangannya yang lambat dapat memerhati dan mengesan objek musuh dengan lebih jelas serta dapat mengebom objek dengan lebih tepat.

<sup>66</sup> CIA Weekly Report, "The Situation in South Vietnam", 24 Februari 1965, hlm. iii dan 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Kejayaan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan dapat dilihat lagi dalam operasi pada 27 Februari 1965. Sebuah kapal Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang panjangnya kira-kira 80 kaki telah diserang dan dimusnahkan oleh kapal terbang Vietnam Selatan di pantai wilayah Kien Hoa. Sebenarnya wilayah Kien Hoa dan sempadan wilayah Vinh Binh merupakan kubu kuat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui jalan laut.<sup>67</sup>

Serangan udara yang dilancarkan di jambatan lebuhraya My Duc pada 21 April 1965 pula, kapal terbang Amerika Syarikat telah berjaya memusnahkan lima buah bot yang berlabuh lima batu dari pantai.<sup>68</sup> Kejayaan diperoleh lagi dalam operasi serangan udara menentang sasaran Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di seluruh Vietnam Selatan pada 26 Jun 1965. Seramai 125 orang Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan telah dibunuh sementara lima buah sampan telah dimusnahkan.<sup>69</sup> Tambahan pula, tiga kompeni tentera laut Amerika Syarikat yang menjalankan operasi "Mencari dan Memusnah" pada 27 Jun 1965 di kawasan penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan iaitu 13 batu barat-laut dari pangkalan tentera udara Da Nang, telah menangkap 12 orang lagi Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang cuba menyusup masuk melalui jalan laut.<sup>70</sup>

<sup>67</sup> CIA, Intelligence Memorandum, "The Situation in Vietnam as of 0600 EST", 28 Februari 1965, hlm. 4, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>68</sup> "Memorandum from the Situation Room to the President", 22 April 1965, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>69</sup> CIA, "The Situation in Vietnam", 28 Jun 1965, hlm. III-1, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 1-2.

Usaha Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk menyekat penyusupan ketenteraan melalui jalan air semakin giat. Misalnya pada Ogos 1966, serangan udara di semua jalan air kawasan pedalaman telah hebat dilancarkan terutamanya jalan air di antara Vinh dan Thanh Hoa. Operasi tersebut telah menyebabkan banyak kapal Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan diserang.<sup>71</sup>

Kejayaan yang dicapai oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan semakin meningkat hanya selepas operasi “Market Time” dan operasi “Game Warden”. Kedua-dua operasi tersebut telah berjaya mengurangkan jumlah kes penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui jalan laut. Menurut laporan CIA, keberkesanan operasi “Market Time” terbukti apabila jumlah penyusupan tentera melalui jalan laut telah merosot pada akhir tahun 1965 hingga awal tahun 1967.<sup>72</sup> Keadaan sedemikian telah menyebabkan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan mengalami kekurangan dan kehilangan bekalan pada tahun 1967. Misalnya Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di wilayah Quang Ngai telah kehilangan lebih daripada 30 tan beras pada bulan Julai 1967 akibat daripada serangan tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat. Masalah Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di wilayah Quang Tin pula adalah berkaitan dengan sumber tenaga tentera untuk menggantikan tentera yang hilang atau terkorban dan perolehan makanan.<sup>73</sup> Pada tahun 1967, Tentera Barisan

<sup>71</sup> CIA and the Defense Intelligence Agency, “An Appraisal of the Bombing of North Vietnam Through 12 September 1966”, hlm. 7, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Report, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

<sup>72</sup> CIA Intelligence Memorandum, “A Review of the Situation in Vietnam”, 8 Disember 1967, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

<sup>73</sup> CIA, Intelligence Information Cable, “Summary of Viet Cong Activities in I Corps during July 1967”, 19 Ogos 1967, hlm. 19, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

Pembebasan Kebangsaan memerlukan 215 tan bekalan logistik setiap hari, dan 35 tan daripadanya ialah makanan.<sup>74</sup>

Walaupun operasi “*Market Time*” dan operasi “*Game Warden*” berjaya mengurangkan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, tetapi masih tidak berjaya menghentikan kegiatan tersebut. Keadaan sedemikian sebenarnya yang merunsingkan pihak Amerikat Syarikat dan Vietnam Selatan. Akhirnya Amerika Syarikat terpaksa menggunakan kekuatan angkatan udaranya untuk mengebom Vietnam Utara dari 2 Mac 1965 hingga 31 Oktober 1968 sebagai satu strategi ketenteraan untuk mengajak Vietnam Utara ke meja perundingan. Amerika Syarikat bertindak sedemikian mungkin ingin menjaga imej negaranya sebagai kuasa besar di kaca mata dunia agar tidak diketawakan oleh negara lain tentang kemampuannya untuk menghentikan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Pada bulan Disember 1968, tahap peperangan menurun setelah Presiden Johnson menghentikan pengeboman terhadap Vietnam Utara tanpa syarat.<sup>75</sup>

Memang tidak dapat dinafikan bahawa serangan udara yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat berkesan untuk melemahkan semangat peperangan Vietnam Utara dalam usaha menyokong peperangan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan dengan membekalkan tentera dan alat kelengkapan senjata kepada

<sup>74</sup> CIA Intelligence Memorandum, “A Review of the Situation in Vietnam”, 8 Disember 1967, US. Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980.*

<sup>75</sup> Nguyen Sinh dan Vu Ky Lan, *Fighting at the 17<sup>th</sup> Parallel*, Hanoi : Foreign Language Publishing House, 1982, hlm. 103.

mereka. Namun kejayaan yang dicapai oleh Amerika Syarikat adalah terhad.<sup>76</sup> Tidak dapat dipertikaikan juga bahawa serangan udara secara tidak langsung telah menimbulkan kesukaran kepada Vietnam Utara untuk menyusup ketenteraan ke Vietnam Selatan, namun dengan bantuan yang diberikan oleh Republik Rakyat China dan Soviet Union dari segi alat senjata dan sumber tenaga kepakaran dan teknikal yang tidak terhad untuk mendirikan semula struktur kemudahan yang telah dirosakkan, maka boleh dikatakan bahawa serangan udara Amerika Syarikat hanya menjelas sedikit sahaja keupayaan Vietnam Utara meneruskan penyusupan ketenteraan mereka ke Vietnam Selatan.<sup>77</sup>

Oleh yang demikian, keberkesanan serangan udara di Vietnam Utara serta keupayaan Amerika Syarikat untuk menyokong operasi ketenteraan di Vietnam Selatan dapat disimpulkan tidak begitu berjaya malah gagal menghentikan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Menurut analisis yang dihasilkan oleh Institut Analisis Pertahanan Amerikat Syarikat (US Institute of Defense Analyses), pengeboman Amerika Syarikat terhadap Vietnam Utara pada bulan Julai 1966 tidak memberi kesan terus terhadap keupayaan kerajaan Hanoi untuk meneruskan aktiviti penyusupan ketenteraannya dan memberi sokongan kepada operasi tentera di Vietnam Selatan. Malah sejak permulaan program "Rolling Thunder" yang telah banyak memusnahkan kemudahan dan peralatan di Vietnam Utara,

<sup>76</sup> "Telegram from Ambassador Taylor to Secretary of State", 3 Mei 1965, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

<sup>77</sup> "Memorandum from George W. Ball to McGeorge Bundy", 29 Jun 1965, hlm. 2, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

ia telah diimbangi dengan penambahan bantuan tentera dan ekonomi yang kebanyakannya datang dari Soviet Union dan Republik Rakyat China.<sup>78</sup>

Menurut kumpulan penganalisis dari Institut Analisis Pertahanan Amerika Syarikat, kegagalan kepimpinan Amerika Syarikat dalam hal ini adalah disebabkan kegagalan memahami penyerangan terus terhadap Vietnam Utara telah menguatkan struktur negara itu iaitu telah meningkatkan sokongan massa kepada kerajaan Hanoi, meningkatkan semangat pemimpin dan rakyat Vietnam Utara untuk menyerang balik terhadap musuh serta menambah keupayaan kerajaan Hanoi untuk membaiki dan memulihkan struktur negara.<sup>79</sup>

Walaupun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk menjalankan pelbagai operasi menyekat aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh, namun hasil yang diperoleh adalah tidak setimpal dengan kos yang dibelanjakan. Antara tahun 1965-1968, kos yang dibelanjakan dalam Perang Vietnam ialah \$66.9 bilion, jumlah ini agak merosot sedikit pada tahun 1969-1972 iaitu \$62.0 bilion selepas Dasar Vietnamisasi yang bermula pada tahun 1969.<sup>80</sup> Antara pelbagai program yang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan, operasi “*Market Time*” boleh dikatakan mencapai keputusan yang lebih baik, namun program tersebut juga tidak berkeupayaan

<sup>78</sup> Document 117, “Vietnam Bombing Evaluation by Institute of Defence Analyses”, dalam Sheehan, et al.,(ed.), *The Pentagon Papers*, hlm. 513-514.

<sup>79</sup> Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 211.

<sup>80</sup> Morton A. Kaplan, et al., *Vietnam Settlement : Why 1973, Not 1969 ?*, Washington D.C. : American Enterprise Institute for Public Policy Research, 1973, hlm. 17.

untuk menyekat keazaman Vietnam Utara meneruskan penyusupan ketenteraan mereka ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Begitu juga dengan program “*Rolling Thunder*” yang dikatakan tidak berkesan untuk menghalang aktiviti penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara. Jadi jelaslah bahawa aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui jalan laut merupakan satu ancaman kepada Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan yang perlu diatasi. Ancaman inilah akhirnya telah membawa kepada rundingan demi rundingan antara kedua-dua pihak sehingga termeterainya Perjanjian Paris pada tahun 1973.<sup>81</sup>

#### **Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Serangan Udara**

Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi keberkesanan strategi Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan terutamanya dalam operasi udara untuk menghalang aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Faktor yang pertama ialah masalah cuaca.<sup>82</sup> Keadaan cuaca yang buruk di kebanyakan kawasan Vietnam Utara telah menghadkan pengendalian operasi udara Amerika Syarikat sepanjang tahun. Masalah-masalah cuaca yang utama ini adalah seperti langit mendung, langit-langit yang rendah (low ceilings), kabus tebal dan daya penglihatan dari udara ke permukaan tanah adalah amat teruk. Sementara fenomena lain yang juga boleh mempengaruhi keberkesanan operasi udara adalah seperti ribut petir sering berlaku, keadaan gelora di udara, angin taufan,

<sup>81</sup> Perjanjian Paris yang ditandatangani antara Amerika Syarikat dan Vietnam Utara pada 25 Junuari 1973 bertujuan menamatkan konflik yang telah wujud dan seterusnya membawa kepada kedamaian di Vietnam. Namun perjanjian ini juga tidak membawa kedamaian di Vietnam.

<sup>82</sup> CIA, Intelligence Brief, “Effects of Weather on Air Operation Over Laos and North Vietnam”, hlm. 2, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

kewujudan satu tempoh langit mendung bersama dengan jerebu dan hujan gerimis atau dikenali oleh orang tempatan sebagai "Crachin"<sup>83</sup> serta wujud keadaan gelora udara yang jelas dan berais.<sup>84</sup>

Penghalang utama dalam operasi udara ialah wujudnya awan-awan rendah dan jerebu yang banyak dan tersebar luas, langit-langit yang rendah dan daya penglihatan dari udara ke permukaan tanah yang teruk. Keadaan berjerebu dan langit-langit yang rendah adalah perkara biasa di Vietnam Utara dan masalah inilah telah menyebabkan Amerika Syarikat terpaksa menjalankan operasi udara di paras rendah. Adalah berbahaya untuk kapal terbang terbang di bawah awan-awan yang berada di paras rendah kerana bentuk muka bumi Vietnam Utara yang bergunung-ganang. Daya penglihatan pula adalah berkait rapat dengan ketinggian penerbangan. Biasanya daya penglihatan adalah lebih baik di altitud tinggi daripada di altitud rendah. Sementara daya penglihatan yang rendah menimbulkan kesukaran untuk mengesan tempat pemeriksaan (Checkpoint) di permukaan tanah yang memerlukan perhatian yang rapi.<sup>85</sup>

Ribut petir biasanya berlaku pada monsun Barat Daya (pertengahan Mei – pertengahan September) dan pada musim bunga iaitu pada tengah hari. Walaupun ribut ganas yang berlaku adalah singkat, tetapi mesti mengelakkan sebarang penerbangan pada waktu itu kerana sangat berbahaya. Manakala gelora udara yang teruk juga berlaku selepas ribut petir terutamanya pada waktu peralihan musim bunga (pertengahan Mac –

<sup>83</sup> "Crachin" berasal daripada perkataan Perancis "Cracher" yang bermaksud rintik (to spit).

<sup>84</sup> Ibid.

<sup>85</sup> Ibid.

pertengahan Mei). Masalah ribut petir ini biasanya menyebabkan sasaran kelihatan tidak jelas atau terpaksa melenceng laluan dari kawasan sasaran.<sup>86</sup>

Sementara angin taufan yang boleh berlaku pada bila-bila masa dari Julai hingga akhir November, terutamanya pada Ogos, September dan Oktober memaksa semua operasi udara berhenti. Manakala “Crachin” yang berlaku pada Disember hingga April sangat mempengaruhi operasi udara terutamanya operasi di bawah kira-kira 800 kaki kerana ini boleh menjaskan daya penglihatan dari udara ke permukaan bumi. Selain itu, masalah udara bergelora dan berais biasanya berlaku pada ketinggian 15,000 dan 25,000 kaki pada monsun Barat Daya.<sup>87</sup> Namun, ini bukan merupakan masalah besar kerana ia boleh dielakkan dengan menerbang beberapa ribu kaki lebih tinggi atau lebih rendah daripadanya.

Faktor kedua yang mempengaruhi keberkesanan operasi Amerika Syarikat untuk menyekat penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan ke Vietnam Selatan melalui laluan laut ialah Vietnam Utara menerima bantuan dari Blok Komunis terutamanya Republik Rakyat China dan Soviet Union. Alat-alat senjata yang lebih moden dari Republik Rakyat China, Soviet Union, Jerman Timur dan Czechoslovakia telah banyak membantu Vietnam Utara untuk menentang serangan udara dari Amerika Syarikat.

---

<sup>86</sup> *Ibid.*

<sup>87</sup> *Ibid.*

Faktor yang lain ialah kegagalan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk mengesan tongkang-tongkang layar, sampan dan bot Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan yang telah diubahsuai dan menyamar sebagai bot nelayan. Keadaan sedemikian telah menyebabkan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan berjaya menyusup ke Vietnam Selatan dengan mudah.

Pendek kata, operasi-operasi yang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan hanya setakat berjaya mengurang dan menyukarkan aktiviti penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Secara keseluruhan, operasi Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan adalah tidak begitu berjaya kerana gagal menghentikan aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

### Kesimpulan

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan sejak tahun 1960 untuk menyekat aktiviti penyusupan ketenteraan yang dijalankan oleh Vietnam Utara melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh, namun hasilnya tidak begitu berkesan. Ini dapat dibuktikan melalui aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh masih berterusan. Kegagalan tindakan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan dalam menangani hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan kebijaksanaan dan kepakaran pemimpin Vietnam Utara dalam mengatur strategi penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Apabila pengaruh Amerika Syarikat semakin berkurang sejak Dasar Vietnamisasi diperkenalkan pada tahun 1969, ini telah memberi peluang kepada Vietnam Utara untuk melancarkan Penyerangan Easter pada tahun 1972 dan seterusnya Kempen Ho Chi Minh pada tahun 1974-1975 sehingga seluruh Vietnam Selatan jatuh ke dalam tangan Vietnam Utara.